

## **Bacaan Intertekstual Teks Fadilat dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān***

Mohd Sholeh Sheh Yusuff<sup>1</sup>  
Mohd Nizam Sahad<sup>2</sup>

### **Abstrak**

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* yang ditulis oleh Muhammad Said bin Umar al-Qadhī adalah antara karya tafsir yang lengkap dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, karya tafsir ini dikritik kerana pengarang tidak menyatakan sumber pemikiran yang terkandung dalamnya. Oleh itu, makalah ini mengkaji kembali sumber-sumber yang relevan bagi tafsir ini. Dengan menggunakan teori intertekstual, makalah ini mengesan dan memperlihatkan pengaruh sumber teks luar yang terdapat dalam teks *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, dengan mengambil kes-kes mengenai teks fadilat surah, ayat dan alam sebagai contoh. Analisis *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* ini menggunakan bacaan intertekstual yang diasaskan oleh Mikhail Bakhtin dan dikembangkan pula oleh Julia Krestiva. Akhirnya, didapati terdapat enam buah karya yang telah mempengaruhi inti pati teks fadilat karya ini iaitu *Tafsīr al-Jamal*, *Tafsīr al-Qurtubī*, *Tafsīr al-Rāzī*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Khāzin*, menjadikannya sebuah karya yang mempunyai rujukan muktabar.

**Kata kunci:** bacaan intertekstual, tafsir al-Qur'an, kaedah tafsir, *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, teks fadilat

### ***Inter-Textual Reading on the Text of Virtue in Tafsīr Nūr al-Iḥsān***

#### **Abstract**

*Tafsīr Nūr al-Iḥsān* by Muhammad Said bin Umar al-Qadhī is one of the complete works of the Qur'anic exegeses in Malay language. However, it has been criticised because the writer did not indicate the sources of his thoughts within the work. Therefore, this article examines related sources for this exegetical writing. Employing intertextual theory in literary, this article identifies influence of external sources within the text of *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, focusing on the virtues of the chapters, verses and

---

<sup>1</sup> Mohd Sholeh Sheh Yusuff, adalah calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. E-mel: abuiffah@ymail.com.

<sup>2</sup> Mohd Nizam Sahad, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. E-mail: nizamsahad@usm.my.

*nature as examples. This analysis utilises intertextual reading, which was founded by Mikhail Bakhtin and later developed further by Julia Kristeva. Finally, this article finds that there are six exegeses which have influence the presentation of the text of virtues in this work, namely Tafsir al-Jamal, Tafsir al-Qurtubī, Tafsir al-Rāzī, Tafsir al-Bayḍāwī, Tafsir al-Jalālayn and Tafsir al-Khāzin, making it a work with reputable sources.*

**Keywords:** *inter-textual reading, Qur'anic interpretation, methodology of interpretation, Tafsir Nūr al-Ihsān, the text of virtues*

## **Pengenalan**

Penulisan karya Islam dan terjemahan ke dalam bahasa Melayu berkembang seawal kedatangan Islam ke Nusantara ini lagi. Ia melibatkan pelbagai bidang dan cabang ilmu seperti akidah, fiqh, tasawuf, tafsir, hadith dan sebagainya. Karya-karya ulama silam ini tetap dirujuk dan digunakan oleh para sarjana semasa untuk menuntut ilmu. Hal ini membuktikan kejayaan ulama terdahulu menghasilkan penulisan yang menarik minat dan memberi manfaat kepada masyarakat umum. Salah seorang dari ulama tersebut ialah Muhammad Said bin Umar al-Qadhī. Gelaran al-Qadhī merujuk kepada tempat asal beliau iaitu negeri Kedah, di mana beliau pernah berkhidmat sebagai kadi bagi daerah Jitra. Beliau merupakan salah seorang tokoh ulama yang telah menyumbang karya dalam bidang tafsir berbahasa Melayu tulisan jawi dengan menghasilkan sebuah karya berjudul *Tafsir Nūr al-Ihsān*.

*Tafsir Nūr al-Ihsān* ini menjadi rujukan dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an bukan sahaja oleh orang awam bahkan juga para ilmuwan yang turut menggunakannya sebagai bahan pengajaran kepada masyarakat. Karya yang bernilai tinggi ini telah banyak memberi sumbangan keilmuan kepada orang ramai sehingga menyebabkan para sarjana tertarik untuk mengkaji dan membuat penelitian terhadapnya dari pelbagai aspek seperti sejarah, bahasa, pengaruh dan ketokohan pengarang. *Tafsir Nūr al-Ihsān* juga merupakan sebuah tafsir al-Qur'an yang masih digunakan sebagai bahan pengajaran dan rujukan sehingga

sekarang terutamanya di institusi-institusi pengajian pondok,<sup>3</sup> di masjid-masjid dan di surau-sarau.<sup>4</sup>

Walaupun begitu, ada beberapa kritikan diberikan terhadap kandungan *Tafsīr Nūr al-Ihsān*. Sebagai contoh, Mohd Nazimi Zaim yang merupakan salah seorang pengkaji kandungan karya ini berpendapat bahawa penulisan karya ini mempunyai kekurangan kerana tidak dinyatakan sumber ambilan fakta dan pengarangnya boleh dikatakan menggunakan pendapat yang tidak berasas di dalam pentafsirannya.<sup>5</sup> Begitu juga dengan Muhammad Ismi yang menyatakan keraguannya terhadap kisah-kisah yang terdapat di dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān* kerana pengarang tidak menerangkan sumberambilannya secara jelas. Justeru, masyarakat dianjurkan agar berhati-hati ketika membaca dan merujuknya bahagian-bahagian yang berkenaan.<sup>6</sup>

Oleh kerana *Tafsīr Nūr al-Ihsān* digunakan sebagai bahan pengajaran dalam ilmu tafsir dan rujukan masyarakat dalam memahami ayat-ayat suci al-Qur'an, maka usaha pemurnian karya ini wajar dilakukan. Salah satu bentuk usaha tersebut adalah melalui kajian yang menggunakan pendekatan intertekstual yang akan merungkaikan dan mengenal pasti sumber ambilan teks yang telah dirujuk oleh pengarang dalam membina teksnya sendiri. Selain itu, pendekatan intertekstual juga boleh membantu dalam kajian mencari signifikan teks yang kadang-kadang tersembunyi dan tidak diucapkan oleh pengarang.<sup>7</sup> Dalam pada itu, pemilihan pendekatan intertekstual dalam menjalankan kajian ini adalah disebabkan ia memberi penekanan seimbang kepada unsur-unsur dalaman dan luaran dalam membina karya. Pengaruh dalaman seperti idea dan corak penyusunan karya pengarang berserta

---

<sup>3</sup> Antaranya ialah pengajian mingguan di Pondok Tuan Guru Haji Bakar di Parit Panjang, Baling, Kedah oleh Zulfikri Jaafar dan Pondok Tuan Guru Haji Saleh Musa di Sik, Kedah oleh Saleh Musa (Tuan Guru) sendiri.

<sup>4</sup> Antaranya ialah pengajian tafsir oleh Shamsuri Ahmad (Dato') di beberapa masjid di Pulau Pinang dan Kedah.

<sup>5</sup> Mohd Nazimi Zaim, "Kajian Takhrij Hadith dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān*," (Disertasi Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2010), 4.

<sup>6</sup> Muhammad Ismi Mat Taib, "Israilliyyat dalam Tafsir: Kajian terhadap Kitab *Nūr al-Ihsān* Karya Haji Muhammad Sa'id bin 'Umar," (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2003), 23.

<sup>7</sup> Mana Sikana, *Teori dan Pendekatan Kususasteraan 1* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 82.

pengaruh luaran seperti teks dari karya lain yang wujud di dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān* turut menjadi aspek dalam kajian. Inilah yang menjadi matlamat penelitian terhadap karya ini iaitu bagi membuktikan sama ada wujud pengaruh teks lain kepada teks *Tafsir Nūr al-Ihsān* melalui pendekatan intertekstual.

Sungguhpun sepatutnya kajian hubungan dan rantaian teks perlu dikaji secara menyeluruh, namun makalah ini menumpukan kepada teks fadilat sahaja sebagai satu usaha awal ke arah pemurnian *Tafsir Nūr al-Ihsān* mengenai sumber ambilan pengarang dan juga sebagai contoh kebolehan mengaplikasikan pendekatan intertekstual kepada karya ini, yang seterusnya boleh dikembangkan kepada aspek-aspek lain, yang pastinya menyumbang ke arah kesempurnaan karya tersebut. Oleh sebab pengarang *Tafsir Nūr al-Ihsān* menyatakan bahawa beliau hanya merujuk karya dalam bidang tafsir ketika proses penulisan,<sup>8</sup> makalah ini menumpukan kajian kepada karya tafsir sahaja. Dari sudut metodologi pula, kajian ini menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya yang menggunakan pendekatan subjektif bagi melihat data secara deskriptif dan kualitatif.

### **Latar Belakang Bacaan Intertekstual**

Bacaan intertekstual pada awalnya dikenali sebagai dialogik yang mula diasaskan oleh Mikhail Mikhailowich Bakhtin (1895-1975) pada tahun 1926 kerana terdapat banyak karya sastera Rusia yang sukar difahami pada ketika itu. Justeru, teori ini diperkenalkan olehnya bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami karya-karya yang sukar itu. Teori ini menggambarkan bahawa semua karya yang telah dihasilkan adalah berdasarkan dialog di antara sesuatu teks dengan teks yang lain. Dengan bahasa yang lebih mudah, teori ini mengandaikan bahawa sesuatu teks tidak dapat tidak mesti dipengaruhi oleh teks-teks yang lain. Josue V. Harari menyatakan,

*Every text, being itself the intertext of another text, belongs to the intertextual, which must not be confused with a text's origins.*<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Muhammad Said Umar, *Tafsir Nūr al-Ihsān* (Patani: Maṭba‘ah Bin Ḥalabī, 1970), 1:2.

<sup>9</sup> Josue V. Harari, *Textual Strategies* (New York: Cornell University Press, 1979), 77.

Asas teori dialogik ini digunakan bagi memahami karya-karya Fyodor Dostoyevsky (1821-1881) seperti *The Gambler*, *The Idiot* dan *The Brothers Karamazov* yang dikatakan sukar difahami oleh masyarakat melalui teori-teori sastera lain seperti formalisme yang berkembang ketika itu.<sup>10</sup> Pendekatan formalisme Rusia yang berkembang pada waktu itu ternyata tidak membantu masyarakat memahami karya Dostoyevsky. Sebaliknya, dialogisme Bakhtin menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan atau bagaimana pengarang mendekati sesebuah karya sastera dan selepas itu secara naluriah pula akan mengalir ke dalam karya lain yang dihasilkannya. Namun begitu, beliau juga tidak menafikan tentang pentingnya unsur-unsur dalaman yang unik bagi sesebuah karya yang baru dihasilkan seperti tema, pemikiran, plot, perwatakan dan lain-lain.

Dalam teori dialogisme ini, pengarang akan berdialog dengan teks itu sendiri, dirinya dan pembaca. Ini akan menimbulkan dialog antara teks dengan teks dan mengakibatkan berlakunya perubahan, pertentangan dan perluasan dalam karya yang sedang diolah oleh pengarang sama ada dari segi tema dan persoalan, plot atau watak dan perwatakan. Dalam kata lain, teks yang sedang dihasilkan terpengaruh dengan teks yang pernah dihasilkan, namun teks yang telah dihasilkan itu tidak semestinya dipengaruhi pula oleh teks yang sedang atau akan dihasilkan. Justeru, maksud pendekatan ini ialah wujud hubungan satu hala di antara teks baharu dengan teks sedia ada dan bukan sebaliknya. Oleh itu, hubungan antara struktur luaran dan dalaman dalam sesebuah karya amat penting dalam pendekatan ini. Menurut Thomas A. Schmitz ayat-ayat yang digunakan oleh seseorang dalam pengucapan atau tulisan berhubung kait dengan ucapan atau tulisan sebelumnya sama ada dari orang lain atau dirinya sendiri. Malah, ketiadaan pergantungan tersebut boleh menyebabkan sesuatu ayat atau pengucapan menjadi suram dan tidak dapat dikembangkan. Thomas A. Schmitz mengulas,

*Language always works within certain situations, and utterances produce their significance within thin context. The linguistic material alone is not enough to determine whether a word or a sound is enthusiastic, gloomy, ironical,*

---

<sup>10</sup> Fyodor Dostoyevsky, *The Idiot*, terj. David Magarshack (London: Penguin Books, 1975), 1.

*threatening, or deferential; rather, this depends on a number of factors such as intonation, volume, the interlocutor, and prior utterances in the dialogue.*<sup>11</sup>

Pendekatan ini kemudiannya dibincangkan oleh Julia Kristeva menerusi sebuah tesis yang bertajuk *La Revolution du Langage Poetique (Revolusi Bahasa Puisi)* untuk ijazah Doktor Falsafahnya di L'Ecole Pratique des Hautes Etudes,<sup>12</sup> Paris, pada tahun 1970. Namun begitu, Kristeva tidak menamakan pendekatan ini sebagai dialogik. Sebaliknya, beliau mengistilalkannya sebagai intertekstualiti. Jeremy Hawthorn menyatakan bahawa setiap teks yang dihasilkan terpengaruh dengan teks-teks yang lain dan pengaruh inilah yang dibahaskan dalam teori intertekstual. Oleh itu, pembaca tidak seharusnya menjadi keliru dengan teks asal yang menjadi hipogram<sup>13</sup> terhadap teks tersebut. Jeremy Hawthorn menjelaskan, "*Kristeva defines the text as a permutation of texts, an intertext in the space of a given text...*"<sup>14</sup>

Perkembangan teori ini bukan sahaja berlaku di Rusia dan Eropah, bahkan meluas di seluruh dunia. Di Asia Tenggara, ia turut dibincangkan sebagai salah satu teori kesusasteraan moden yang telah dikembangkan lagi oleh sarjana kesusasteraan tempatan seperti Partini Sardjono. Beliau bukan sahaja berdiri di atas prinsip-prinsip Kristeva, malah telah memperkenalkan satu lagi bentuk kaedah intertekstual yang diistilahkan sebagai *excerpt* atau kutipan. Kaedah ini berlaku apabila sesebuah teks dijelmakan di dalam teks lain dalam bentuk abstrak. Setelah itu, lahir pula nama-nama baru di Indonesia seperti Teeuw dan Umar Junus. Manakala di Malaysia dan Singapura, ia mula dikenali setelah Mana Sikana membincangkannya menerusi beberapa buah buku, khususnya tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk: *Tuah Jebat Dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Di dalam tesis ini, beliau bukan sahaja membincangkan pendekatan ini secara

---

<sup>11</sup> Thomas A. Schmitz, *Modern Literary Theory and Ancient Texts: an Introduction* (Victoria: Blackwell Publishing, 2007), 66-7.

<sup>12</sup> L'Ecole Pratique des Hautes Etudes adalah salah sebuah institusi pengajian tinggi di Perancis.

<sup>13</sup> Hipogram (*hypogram*) ialah kata kunci yang menjadi nukleus dan mempengaruhi penulisan sesebuah karya.

<sup>14</sup> Jeremy Hawthorn, *A Concise Glossary of Contemporary Literary Theory* (London: Arnold, 2000), 117.

panjang lebar, bahkan mengaplikasikannya dalam *Hikayat Hang Tuah*.<sup>15</sup>

### **Bentuk-bentuk Kaedah dalam Pendekatan Intertekstual**

Terdapat 10 bentuk kaedah intertekstual yang kerap berlaku dalam sastera dan manifestasi yang terbayang dalam cara penulisan seseorang. 10 bentuk kaedah ini dapat dirumuskan berdasarkan penelitian terhadap 2 karya iaitu *Desire in Language: a Simeotic Approach to Literature and Art* oleh Julia Kristeva dan *Kakawin Gajah Mada* oleh Partini Sardjono. 10 bentuk kaedah intertekstual tersebut ialah seperti berikut.

1. Transformasi iaitu pemindahan, penjelmaan atau penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain sama ada secara formal atau abstrak.<sup>16</sup>
2. Modifikasi iaitu penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesuatu teks dalam sesebuah teks. Prinsip ini berlaku disebabkan timbulnya keinginan pengarang untuk mengambil atau meniru sesebuah teks ke dalam teksnya serta menyesuainya mengikut kehendak masyarakat, budaya, politik dan pemikiran pembaca.<sup>17</sup>
3. Ekspansi iaitu peluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks. Contohnya, sebuah cerpen diolah dan dikembangkan oleh pengarang sehingga ia menjadi sebuah novel yang lengkap.<sup>18</sup>
4. Demitefikasi iaitu penentangan terhadap pengertian dalam teks sesebuah karya mundur yang muncul lebih awal. Pengarang mempersoalkan teks tersebut sebelum melakukan penentangan.<sup>19</sup>
5. Haplogi iaitu pengguguran ketika kehadiran teks-teks ke dalam sesebuah teks. Proses ini berlaku ketika pemilihan dan

---

<sup>15</sup> Wan Nasyrudin Wan Abdullah, “Tafsir *Tarjumān al-Mustafīd*: Kajian Intertekstual,” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008), 12.

<sup>16</sup> Julia Kristeva, *Desire in Language: a Semiotic Approach to Literature and Art* (Oxford: Basil Blackwell, 1980), 80.

<sup>17</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 90.

<sup>18</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 90.

<sup>19</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 103.

- penyuntingan yang bertujuan untuk menyesuaikan sesebuah teks demi keharmonian sesebuah karya.<sup>20</sup>
6. Ekserp iaitu penggunaan teks yang sama atau mungkin sama dengan inti sari sebahagian, suatu petikan, suatu episod atau aspek dari hipogram atau tipa induknya.<sup>21</sup>
  7. Paralel iaitu penyamaan atau penyejajaran antara satu teks dengan teks yang lain dari segi tema, pemikiran atau bentuk teks itu sendiri. Prinsip paralel memperlihatkan unsur-unsur keselarian dan kesejajaran teks dalam sesebuah teks. Walaupun begitu, pengarang perlu menyatakan sumberambilannya supaya perbuatan mengambil teks itu tidak dianggap plagiat.<sup>22</sup>
  8. Konversi iaitu pemutaran balik tipa induk atau hipogram atau pun penentangan terhadap teks yang diambil guna. Unsur penentangan ini tidak sama seperti yang terjadi dalam prinsip demitefikasi. Malah ia tidak begitu radikal dan tidak mengalami perubahan yang agresif atau drastik.<sup>23</sup>
  9. Eksistensi iaitu penciptaan unsur-unsur yang diwujudkan atau diadakan dalam sesebuah karya yang berbeza dengan teks hipogramnya. Proses ini berlaku apabila pengarang melakukan sesuatu pembaharuan terhadap karya utama yang menjadi landasan dalam penulisannya.<sup>24</sup>
  10. Defamilirasi iaitu pembentukan unsur-unsur luar biasa dalam karya dengan melakukan beberapa perubahan terhadap teks yang telah dibaca seperti penyimpangan dari segi makna atau perubahan peranan watak dalam sesebuah karya.<sup>25</sup>

Setiap bentuk kaedah ini tidak semestinya hadir secara berasingan dalam sesebuah karya, tetapi ia boleh hadir secara bersama. Contohnya, apabila sesuatu teks karya itu mengalami proses transformasi, maka ia juga mungkin mengalami proses modifikasi, ekspansi atau apa sahaja bentuk kaedah intertekstual dalam masa yang sama.

---

<sup>20</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 25.

<sup>21</sup> Partini Sardjono, *Kakawin Gajah Mada* (Bandung: Penerbit Binacipta, 1986), 63.

<sup>22</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 91.

<sup>23</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 107.

<sup>24</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 106-7.

<sup>25</sup> Kristeva, *Desire in Language*, 131.

### ***Tafsīr Nūr al-Ihsān: Satu Pengenalan***

*Tafsīr Nūr al-Ihsān* merupakan sebuah karya besar yang telah dihasilkan oleh Muhammad Said bin Umar al-Qadhī. Beliau mula menghasilkan karya tersebut pada bulan Zulhijah 1344H bersamaan Januari 1925, iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukaram Shah (1881-1943), Sultan Kedah yang ke-25. Penulisan karya ini memakan masa selama dua tahun sembilan bulan untuk disiapkan, dan ia telah berjaya diselesaikan pada hari Rabu, 1 Rabiulakhir 1346H bersamaan 1 Oktober 1927.<sup>26</sup> Ia merupakan antara karya tafsir yang terawal dihasilkan di Alam Melayu selepas *Tarjumān al-Mustafīd* oleh Abdul Rauf al-Singkili pada abad yang ke-17.<sup>27</sup>

*Tafsīr Nūr al-Ihsān* mula dicetak dengan cetakan pertamanya pada tahun 1934 di Mekah oleh Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādih dan cetakan kedua pada tahun 1936 di Pulau Pinang. Cetakan ketiga karya ini adalah pada tahun 1970 oleh Percetakan al-Maarif, Maṭba‘ah bin Ḥalabī di Patani dan Maktabah wa Maṭba‘ah Muḥammad al-Nahdī wa Awlādih di Bangkok, Thailand. Sementara itu, terdapat juga cetakan yang diterbitkan oleh Dār al-Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, Mesir pada tahun 1349H.<sup>28</sup> Setiap cetakan *Tafsīr Nūr al-Ihsān* perlu terlebih dahulu mendapat keizinan daripada waris Said al-Qadhī dan tanda keizinan tersebut dapat dilihat di setiap halaman nombor i dalam setiap jilid.<sup>29</sup>

*Tafsīr Nūr al-Ihsān* dihasilkan oleh Said al-Qadhī dalam empat jilid dan setiap jilid disusun mengikut surah-surah al-Qur’an. Jilid pertama merangkumi surah al-Fātihah hingga surah al-Mā’idah, jilid kedua merangkumi surah al-An‘ām hingga surah al-Isrā’, jilid ketiga merangkumi surah al-Kahf hingga surah al-Zumar, dan jilid keempat merangkumi surah Ghāfir hingga surah al-Nās. *Tafsīr Nūr al-Ihsān* agak sukar untuk diperolehi di pasaran dan ia hanya dijual di kedai-kedai buku yang tertentu sahaja.

---

<sup>26</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, 4:311.

<sup>27</sup> Nasrudin, “Tafsir *Tarjumān al-Mustafīd*,” 77.

<sup>28</sup> Nazimi, “Kajian Takhrij Hadith,” 68; dan Abdul Razak Abdul Rahman, “Mengenali Tuan Haji Said: Mufti Ulama Tersohor di Alam Melayu” (Makalah Seminar Ulama Melayu, Shah Alam, 23 Mei 2010), 3.

<sup>29</sup> Abdul Razak Othman, dalam temu bual dengan penulis, 07 Julai 2012.

Kebanyakan karya yang beredar di pasaran Malaysia pada hari ini ialah yang dicetak oleh syarikat dari Bangkok berukuran 26.5 cm x 20 cm.

Tafsir ini bukan sahaja tersebar di bumi Melayu khususnya di negeri Kedah, bahkan di Perak Utara, Seberang Prai, Pulau Pinang dan juga di Selatan Thailand.<sup>30</sup> *Tafsir Nūr al-Ihsān* yang merupakan sebuah karya tafsir berbahasa Melayu yang dikarang menggunakan tulisan jawi ini telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam khususnya di Malaysia, di samping ia juga merupakan satu usaha murni Said al-Qadhī yang telah mewariskannya kepada masyarakat sehingga ke hari ini. Kandungan karya ini adalah lengkap dan menyeluruh mencakupi penerangan aspek-aspek ilmu tafsir seperti sebab nuzul ayat, fadilat-fadilat, permasalahan fiqah, ayat *al-mutashābihāt*, kes-kes pemansuhan hukum serta kisah-kisah umat terdahulu.

*Tafsir Nūr al-Ihsān* dimulai dengan pendahuluan yang disebut sebagai *Muqaddimah* sebagaimana kebanyakan karya. Walau bagaimanapun, pengarang tidak menyatakan metodologi yang digunakan dalam pentafsirannya dalam pendahuluan ini. Setiap surah dimulai dengan nama surah, status surah sama ada *Makkiyyah* atau *Madaniyyah* di samping disertai dengan pernyataan bilangan ayat dan sebab penamaan surah itu jika ada.<sup>31</sup>

Bahasa yang digunakan dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an ialah bahasa Melayu dialek Melayu Kedah. Istilah yang digunakan oleh pengarang dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an di dalam karya ini antaranya adalah yang berhubung kait dengan pekerjaan dan aktiviti masyarakat setempat. Pengarang menggunakan perkataan bendang, perhumaan, pokok padi, tanam padi kerana beliau terkesan dengan salah satu pekerjaannya iaitu pesawah.<sup>32</sup> Negeri Kedah yang mendapat jolokan "Negeri Jelapang Padi" sudah termaklum bahawa rata-rata pekerjaan utama masyarakatnya adalah penanam padi lebih-lebih lagi di

---

<sup>30</sup> Razak, "Mengenali Tuan Haji Said," 2.

<sup>31</sup> Contohnya pada awal surah al-Baqarah pengarang menyebut, "Surah al-Baqarah *madaniyyah*, dua ratus lapan puluh enam atau tujuh ayat (286 atau 287), maka sebab dinamakan al-Baqarah kerana ada di dalamnya cerita lembu bagi anak yatim yang banyak berbuat kebaktian pada ibunya, nabi Musa beli dengan harga sepenuh kulitnya emas." Lihat Said, *Tafsir Nūr al-Ihsān*, 1:7.

<sup>32</sup> Razak, "Mengenali Tuan Haji Sid," 2.

dataran Kedah-Perlis.<sup>33</sup> Menurut pendekatan intertekstual, bentuk kaedah teks sosial sebegini dikenali sebagai pengaruh luaran yang mempengaruhi penghasilan teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān*.

Selain itu, penggunaan bahasa Arab juga meluas digunakan dalam karya ini. Perkataan-perkataan Arab terlihat di setiap helaian karya bermula jilid yang pertama sehingga jilid yang keempat. Tulisan jawi yang digunakan pula diselangi perkataan-perkataan Arab yang disusuli dengan terjemahannya dalam bahasa Melayu, tetapi kebanyakan perkataan Arab itu tiada sebarang tanda ataupun kurungan yang dibuat bagi membezakan antara perkataan Melayu dan Arab. Walau bagaimanapun, terdapat juga terjemahan-terjemahan yang diletakkan di dalam kurungan di samping kalimah-kalimah yang langsung tidak diterjemahkan.

Dalam pada itu, terjemahan ayat yang dibuat adalah dengan gaya bahasa Melayu klasik yang terikat dengan kaedah bahasa Arab. Terjemahan banyak menggunakan struktur ayat songsang iaitu struktur ayat yang tidak terikat dengan kaedah subjek-predikat. Ia juga banyak menggunakan struktur ayat pasif yang diwakili oleh imbuhan *di* dan *oleh*, di samping banyak menggunakan perkataan *al-ma'nā*, erti, sebab, maka, kerana, iaitu, dengan, daripada, supaya, seperti, yakni, makna, pada, seumpama, ertinya dan tatkala, yang bertujuan untuk menghurai dan menjelaskan tafsiran-tafsiran yang agak mengelirukan, mengemukakan contoh-contoh atau membawa sesuatu perbincangan yang berkaitan dengan sesuatu tafsiran. Corak-corak penulisan seperti ini dilakukan oleh pengarang secara konsisten pada semua jilid karyanya.

### **Fadilat-fadilat dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān***

Melihat kepada keluasan aspek yang boleh dikaji dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, makalah ini meneliti satu sudut sahaja daripada kandungan karya ini, iaitu yang berkaitan dengan fadilat-fadilat. Dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, terdapat tiga bentuk fadilat yang dibahaskan oleh pengarang iaitu fadilat surah, fadilat ayat dan fadilat selain surah dan ayat. Namun, fadilat-fadilat tersebut tidak disertakan sumber ambilannya. Hal yang demikian menyebabkan pentafsiran pengarang dipertikai oleh sebahagian sarjana lebih-

---

<sup>33</sup> Asmad, *Kedah* (Melaka: Associated Educational, 1987), 30.

lebih lagi mengenai fadilat-fadilat yang pada zahirnya bertentangan dengan akal dan syarak.

Walaupun begitu, hasil penelitian yang telah dibuat mendapati fadilat-fadilat tersebut adalah bersumberkan karya-karya muktabar seperti *Tafsir al-Jalālayn*, *Tafsir al-Bayḍāwī* dan *Tafsir al-Qurtubī* yang sememangnya diperakui kewibawaan pentafsirannya.<sup>34</sup> Apabila berlaku proses transformasi teks pula, pengarang telah mengaplikasikan beberapa bentuk kaedah intertekstual. Contohnya, ketika pengarang menyatakan fadilat membaca tiga ayat terakhir dari surah al-Baqarah, sebuah hadith telah dirujuk sepenuhnya, iaitu sabda Nabi SAW, “Ini tiga ayat khatam surah al-Baqarah, barang siapa bacakan dia tiada hampir oleh syaitan rumahnya tiga malam.”<sup>35</sup> Manakala teks *Tafsir al-Qurtubī* yang merupakan teks asal yang dirujuk pula menyatakan,

Daripada Ḥudhayfah al-Yamān katanya bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya Allah mencatat sebuah catatan dua ribu tahun sebelum Dia menjadikan langit dan bumi kemudian Dia menurunkan darinya tiga ayat terakhir surah al-Baqarah ini. Barang siapa membaca ayat-ayat tersebut di rumahnya nescaya syaitan tidak akan menghampiri rumahnya itu selama tiga malam.”<sup>36</sup>

Apabila teks pertama dan kedua dibandingkan didapati wujud persamaan dan kesejajaran antara keduanya. Hal ini disebabkan pengarang mengaplikasikan kaedah paralel atau selari, namun setelah beliau menggugurkan pernyataan mengenai catatan Allah SWT di Lawḥ Maḥfūz dua ribu tahun sebelum ciptaan langit dan bumi yang ada dalam teks asal, kaedah haplologi pula teraplikasi.

Selain itu, antara contoh lain, Said al-Qadhī menyatakan, “Faedah barang siapa baca surah Āli ‘Imrān diberi dengan tiap-tiap ayat aman atas titi Neraka Jahanam.”<sup>37</sup> Pernyataan ini boleh dibandingkan dengan tulisan Sulaymān bin ‘Umar al-‘Ujjaylī al-Jamal yang menulis dalam tafsirnya *Tafsir al-Jamal*,

---

<sup>34</sup> Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, *al-Tafsir wa al-Mufasssīrūn* (t.tp.: Avand Danesh, 2005), 3:222.

<sup>35</sup> Said, *Tafsir Nūr al-Ihsān*, 1:101.

<sup>36</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ al-Aḥkām al-Qur‘ān* (Riyadh: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003), 3:434.

<sup>37</sup> Said, *Tafsir Nūr al-Ihsān*, 1:153.

Faedah barang siapa membaca surah Āli ‘Imrān dikurniakan keamanan bagi setiap ayat yang dibaca ketika melintasi titian Jahanam dan barang siapa membacanya pada malam Jumaat nescaya Allah merahmatinya di samping malaikat memohon keampunan untuknya sehingga tenggelam matahari. Kesemua kelebihan ini adalah bersumberkan dari hadith Nabi SAW.<sup>38</sup>

Pengaplikasian kaedah intertekstual ketika proses transformasi teks ini juga menyamai contoh pertama di atas apabila pengarang mengaplikasikan kaedah paralel disebabkan wujud kesejajaran antara kedua-dua teks dan haplologi kerana pengarang menggugurkan sebahagian teks dari karya asal dalam membina teksnya sendiri. Walaupun begitu, sesuatu yang penting yang perlu dinyatakan ialah kedua-dua teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān* di atas adalah bersumberkan teks *Tafsīr al-Qurṭubī* dan *Tafsīr al-Jamal* yang diakui nilai dan wibawa pentafsirannya.<sup>39</sup>

Berdasarkan kedua-dua contoh yang diberikan memperlihatkan bahawa fadilat-fadilat yang terkandung di dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān* adalah bersumberkan karya-karya muktabar. Jika pertikaian mengenai periwayatan fadilat-fadilat berkenaan tidak dimurnikan, ia menyebabkan nilai tafsiran sesebuah ayat al-Qur’an di dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān* dianggap boleh merosakkan pemikiran umat Islam khususnya bagi mereka yang membaca dan merujuknya. Oleh itu, makalah ini mengemukakan fadilat-fadilat yang terdapat di dalam karya ini berserta sumberambilannya sebagai satu usaha bagi memudahkan pembaca mengenal pasti fadilat-fadilat yang boleh diterima periwayatannya.

### **Fadilat Surah**

Said al-Qadhī di dalam karyanya membahaskan empat surah yang mempunyai fadilat yang tersendiri iaitu surah al-Fātiḥah, Āli ‘Imrān, Yāsīn dan al-Ikhlāṣ. Kajian intertekstual terhadap fadilat-fadilat ini menemui sumber ambilan bagi setiap kes yang dapat dijelaskan dengan lebih lanjut seperti berikut.

---

<sup>38</sup> Sulaymān bin ‘Umar al-‘Ujjaylī al-Jamal, *Tafsīr al-Jamal* (Kaherah: ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalābī, t.t.), 1:350.

<sup>39</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī, *Tafsīr al-Qurṭubī* (Kaherah: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1964), 17:126.

1. Allah SWT akan memberi peluang dan kemudahan memasuki syurga kepada orang yang banyak membaca surah al-Fātihah.<sup>40</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Qurtubī*.<sup>41</sup>
2. Allah SWT menjamin keselamatan ketika melintasi titian al-Ṣirāt menuju syurga bagi orang yang selalu membaca surah Āli ‘Imrān.<sup>42</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Jamal*.<sup>43</sup>
3. Orang yang menjadikan surah Yāsīn sebagai amalan hariannya dimudahkan keluar roh di saat kematiannya.<sup>44</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Bayḍāwī*.<sup>45</sup>
4. Orang yang memperbanyakkan membaca surah al-Ikhlās ketika hayatnya berupaya menyelamatkannya daripada azab di dalam kubur.<sup>46</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Jamal*.<sup>47</sup>

### **Fadilat Ayat**

Terdapat enam perbahasan mengenai fadilat ayat yang dinyatakan oleh Said al-Qadhī iaitu; pertamanya, ayat 156 surah al-Baqarah; keduanya, tiga ayat terakhir surah al-Baqarah; ketiganya, Āyāt al-Kursī; keempatnya, ayat 18, 26 dan 27 surah Āli ‘Imrān; kelimanya, ayat 124 surah al-An‘ām; dan keenamnya ayat 30 surah al-Naml. Kajian intertekstual terhadap enam fadilat ini menemui sumber ambilan bagi setiap kes yang dapat dijelaskan dengan lebih lanjut seperti berikut.

1. Bagi orang yang ditimpa kesusahan lalu mengamalkan bacaan ayat 156 surah al-Baqarah, Allah SWT menjanjikan ganjaran untuknya melebihi musibah yang telah menimpa.<sup>48</sup> Fadilat ini

---

<sup>40</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, 1:108-9.

<sup>41</sup> Al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ al-Ahkām al-Qur‘ān*, 4:52.

<sup>42</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, 1:153.

<sup>43</sup> Al-Jamal, *Tafsīr al-Jamal*, 1:350.

<sup>44</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, 3:313.

<sup>45</sup> Nāsir al-Dīn ‘Abd Allāh bin ‘Umar al-Bayḍāwī, *Tafsīr al-Bayḍāwī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1996), 1:443.

<sup>46</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, 4:308.

<sup>47</sup> Al-Jamal, *Tafsīr al-Jamal*, 4:603.

<sup>48</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, 1:48.

- didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Bayḍāwī*.<sup>49</sup>
2. Orang yang selalu membaca tiga ayat terakhir surah al-Baqarah akan terselamat dari gangguan syaitan berupa bisikan dan rasukan.<sup>50</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Qurtubī*.<sup>51</sup>
  3. Allah SWT akan memudahkan seseorang hamba memasuki syurga di Hari Kiamat disebabkan dia memperbanyakkan membaca Āyāt al-Kursī.<sup>52</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Rāzī*.<sup>53</sup>
  4. Allah SWT tidak akan menghalang seseorang hamba yang selalu membaca ayat 18, 26 dan 27 surah Āli ‘Imrān untuk memasuki syurga di Hari Akhirat.<sup>54</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Qurtubī*.<sup>55</sup>
  5. Barang siapa mengambil peluang berdoa kepada Allah SWT untuk sesuatu hajat ketika membaca ayat 124 surah al-An‘ām, nescaya Allah SWT makbulkan hajatnya itu.<sup>56</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Jamal*.<sup>57</sup>
  6. Barang siapa sering membaca ayat 30 surah al-Naml, nescaya dia terhindar dari gangguan syaitan.<sup>58</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Khāzin*.<sup>59</sup>

### Fadilat Alam dan Ilmu

Dalam karya *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, penelitian yang dilakukan juga mendapati enam fadilat yang boleh diklasifikasikan sebagai kelebihan yang berkaitan dengan makhluk dalam alam dan ilmu. Kajian intertekstual terhadap enam fadilat ini menemui sumber

---

<sup>49</sup> Al-Bayḍāwī, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, 1:431.

<sup>50</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, 1:101.

<sup>51</sup> Al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ al-Aḥkām al-Qur‘ān*, 3:434.

<sup>52</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, 1:87-8.

<sup>53</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Tafsīr Mafātīḥ al-Ghayb* (Beirut: Dār al-Fikr, 1981), 1:985.

<sup>54</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, 1:108-9.

<sup>55</sup> Al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ al-Aḥkām al-Qur‘ān*, 4:52.

<sup>56</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, 2:40.

<sup>57</sup> Al-Jamal, *Tafsīr al-Jamal*, 2:87.

<sup>58</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*, 2:341.

<sup>59</sup> ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad al-Khāzin, *Tafsīr al-Khāzin* (Beirut: Dār al-Fikr, 1979), 4:168.

ambilan bagi setiap kes yang dapat dijelaskan dengan lebih lanjut seperti berikut.

1. *Tafsir Nūr al-Ihsān* menceritakan mengenai kelebihan burung al-Na‘āmah iaitu satu-satunya burung yang tidak tercedera jika terkena api sehingga ia turut menjadikan bara api yang sedang menyala-nyala sebagai makanannya.<sup>60</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsir al-Jamal*.<sup>61</sup>
2. *Tafsir Nūr al-Ihsān* juga menceritakan mengenai al-Samandal iaitu binatang kecil berbulu lebat yang wujud di negara Turki. Ia merupakan seekor binatang ajaib yang juga tidak mudarat jika terkena api. Masyarakat setempat menjadikan bulunya sebagai sapu tangan, jika sapu tangan itu kotor mereka melamparnya ke dalam api. Hanya kotoran itu sahaja yang hilang sedangkan sapu tangan tidak dimakan api sedikit pun.<sup>62</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsir al-Jamal*.<sup>63</sup>
3. Zakfaran atau Safron atau al-Za‘farān iaitu sejenis tumbuhan herba yang digunakan sebagai bahan dalam masakan.<sup>64</sup> Selain itu, ia juga digunakan untuk menghalau cicak-cicak yang berkeliaran dan mengotori rumah kediaman jika ia disimpan.<sup>65</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsir al-Jamal*.<sup>66</sup>
4. Abū al-Faḍl ‘Abd al-Rahmān Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī dikatakan ada menyebut bahawa jika nama-nama Aṣḥāb al-Kahf ditulis dan disimpan, dengan izin Allah SWT orang yang penulis dan penyimpanannya akan terselamat dari sebarang bahaya.<sup>67</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsir al-Jamal*.<sup>68</sup>
5. ‘Ikrimah bin Abī Jahl menyatakan bahawa orang yang mempelajari dan menguasai ilmu berkaitan al-Qur’an tidak akan menghadapi penyakit nyanyuk, Bahkan akal fikiran mereka

---

<sup>60</sup> Said, *Tafsir Nūr al-Ihsān*, 2:340.

<sup>61</sup> Al-Jamal, *Tafsir al-Jamal*, 2:633.

<sup>62</sup> Said, *Tafsir Nūr al-Ihsān*, 2:340.

<sup>63</sup> Al-Jamal, *Tafsir al-Jamal*, 2:633.

<sup>64</sup> Abdul Rauf Hassan et al., *Kamus Bahasa Melayu – Bahasa Arab Bahasa Arab – Bahasa Melayu* (Shah Alam: Oxford Fajar, 2011), 291.

<sup>65</sup> Said, *Tafsir Nūr al-Ihsān*, 3:78.

<sup>66</sup> Al-Jamal, *Tafsir al-Jamal*, 3:135.

<sup>67</sup> Said, *Tafsir Nūr al-Ihsān*, 3:4.

<sup>68</sup> Al-Jamal, *Tafsir al-Jamal*, 3:17.

menjadi semakin pintar mengiringi usia yang semakin tua.<sup>69</sup> Fadilat ini didapati ambilan yang bersumberkan daripada *Tafsīr al-Jalālayn*.<sup>70</sup>

Dalam membahaskan fadilat surah, pengarang mendahului dengan ungkapan seperti kata ‘Alī r.a., faedah, sabda Nabi SAW dan riwayat Abū Nu‘aym. Dalam pada itu, ketika membahaskan fadilat ayat diungkapkan pendahuluan seperti pada hadith, sabda Nabi SAW, kata ‘Alī r.a., kata setengah ulama, dan maka. Manakala pada fadilat alam pula pengarang menggunakan ungkapan seperti kata setengah ulama, khasiat, mengganda-ganda dan kata ‘Ikrimah. Kajian berpendapat bahawa fadilat-fadilat yang dimuatkan oleh Said al-Qadhī tersebut merupakan salah satu cara yang digunakan untuk menarik minat masyarakat membaca dan merujuk *Tafsīr Nūr al-Ihsān*. Hal ini berdasarkan kebiasaan yang umumnya menjadi salah satu tabiat semula jadi manusia iaitu menggemari sesuatu yang ada kelebihan.<sup>71</sup> Maka, cerita-cerita kelebihan dan fadilat mengenai sesuatu ditonjolkan dalam kitab tafsir ini untuk menarik perhatian pembacanya.

### **Analisis Bacaan Intertekstual terhadap Teks Fadilat**

Penelitian terhadap intertekstual fadilat surah, ayat dan alam dalam teks *Tafsīr Nūr al-Ihsān* secara keseluruhannya mendapati bahawa karya-karya yang telah mempengaruhi inti pati teks fadilat tersebut adalah *Tafsīr al-Jamal*, *Tafsīr al-Qurṭubī*, *Tafsīr al-Rāzī*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Khāzin*. Selain itu, bentuk kaedah intertekstual yang teraplikasi pula terdiri daripada ekserp, paralel, haplologi dan ekspansi. Secara lebih jelas, data ini dibentangkan dalam Jadual 1 di bawah.

---

<sup>69</sup> Said, *Tafsīr Nūr al-Ihsān*, 3:89.

<sup>70</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥmān Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Jalālayn* (Damsyik: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyyah, 1919), 434.

<sup>71</sup> ‘Abd al-Laṭīf bin ‘Abd al-Raḥmān Āl al-Shaykh, *al-Barāhīn al-Islāmiyyah fī Radd al-Shubḥah al-Fārisiyyah* (t.tp.: Maktabah al-Hidāyah, 1989), 16.

Jadual 1: Sumber dan aplikasi bentuk kaedah intertekstual dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān*.

Bil.	Jil.	Hal.	Sumber	Jil.	Hal.	Bentuk kaedah
1	1	101	<i>Al-Qurṭubī</i>	3	434	Paralel, Haplologi
2	1	87	<i>Al-Rāzī</i>	1	985	Paralel, Haplologi
3	1	108	<i>Al-Qurṭubī</i>	4	52	Paralel
4	1	153	<i>Al-Jamal</i>	1	350	Paralel, Haplologi
5	1	48	<i>Al-Bayḍāwī</i>	1	431	Ekserp
6	2	40	<i>Al-Jamal</i>	2	87	Paralel, Haplologi
7	2	340	<i>Al-Jamal</i>	2	633	Ekserp, Haplologi
8	2	341	<i>Al-Khāzin</i>	4	168	Ekserp, Ekspansi
9	3	4	<i>Al-Jamal</i>	3	17	Paralel, Haplologi
10	3	89	<i>Al-Jalālyn</i>	1	434	Paralel, Ekspansi
11	3	313	<i>Al-Bayḍāwī</i>	1	443	Ekserp, Haplologi
12	3	78	<i>Al-Jamal</i>	3	135	Ekserp
13	4	308	<i>Al-Jamal</i>	4	603	Paralel, Haplologi

Manakala Jadual 2 di bawah pula memperlihatkan data-data yang telah dianalisis dan telah mendapati bahawa teks *Tafsir al-Jalālyn* mempengaruhi teks fadilat surah, ayat dan alam dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān* sekali (7.6%), *Tafsir al-Jamal* enam kali (46.1%), *Tafsir al-Bayḍāwī* dua kali (15.3%), *Tafsir al-Khāzin* sekali (7.6%), *Tafsir al-Qurṭubī* dua kali (15.3%), dan *Tafsir al-Rāzī* sekali (7.6%). Oleh yang demikian karya yang paling banyak dan dominan mempengaruhi inti pati teks *Tafsir Nūr al-Ihsān* berkenaan fadilat surah, ayat dan alam adalah *Tafsir al-Jamal*. Justeru, dapat dirumuskan bahawa amat besar kemungkinan karya utama yang dirujuk oleh Said al-Qadhī ketika membahaskan fadilat-fadilat dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān* ialah *Tafsir al-Jamal*.

Jadual 2: Senarai karya sumber yang mempengaruhi teks fadilat dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān*.

Bil.	Karya sumber	Surah	Ayat	Alam	Jumlah
1	<i>Tafsīr al-Jalālayn</i>	0	0	1	1
2	<i>Tafsīr al-Jamal</i>	2	1	3	6
3	<i>Tafsīr al-Bayḍāwī</i>	1	1	0	2
4	<i>Tafsīr al-Khāzin</i>	0	1	0	1
5	<i>Tafsīr al-Qurṭubī</i>	1	1	0	2
6	<i>Tafsīr al-Rāzī</i>	0	1	0	1
Jumlah		4	5	4	13

### **Bentuk-bentuk Pengaplikasian Pendekatan Intertekstual**

Wan Nasyrudin Wan Abdullah di dalam tesisnya yang bertajuk *Tafsir Tarjumān al-Mustafīd: Kajian Intertekstual* menyatakan bahawa setiap kajian yang menggunakan pendekatan intertekstual tidak dapat mengelak daripada membahaskan bentuk-bentuk kaedah yang telah diaplikasikan oleh pengarang ketika proses menghasilkan karya. Hal ini perlu disebabkan bahan bacaan yang pernah dibaca oleh pengarang telah mempengaruhi pemikiran dan idea dan seterusnya memberi kesan pula kepada pembentukan teks karyanya. Justeru, pengarang akan mengaplikasikan bentuk-bentuk kaedah intertekstual seperti transformasi, modifikasi, ekspansi, haplologi, ekserp dan konversi mengikut aspirasi pengarang.<sup>72</sup>

Penerapan bentuk pendekatan ini juga meyakinkan kajian dalam mengenal pasti sama ada Said al-Qadhī menggunakan kesemua kaedah intertekstual atau kaedah tertentu sahaja dan kaedah yang manakah yang paling dominan ditemui dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān*. Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa terdapat empat bentuk pendekatan intertekstual yang diaplikasikan oleh beliau mengenai fadilat-fadilat dalam *Tafsīr Nūr al-Ihsān* iaitu paralel merangkumi 35%, ekserp 22%, haplologi 35%, dan ekspansi 9%. Maklumat ini memperlihatkan kaedah paralel dan haplologi sama-sama mendominasi saduran teks fadilat surah, ayat dan alam yang telah dilakukan oleh Said al-Qadhī dalam menulis karyanya *Tafsīr Nūr al-Ihsān*.

<sup>72</sup> Nasyrudin, “Tafsir *Tarjumān al-Mustafīd*,” 22.

Jadual 3: Bentuk kaedah intertekstual fadilat yang diaplikasi dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān*.

Bentuk	Paralel	Ekserp	Haplologi	Ekspansi
Jumlah teks fadilat	8	5	8	2
Peratusan	35%	22%	35%	9%

## Penutup

Makalah ini meneliti bentuk kaedah intertekstual yang ada dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān*, yang merupakan sebuah karya tafsir tulisan Muhammad Said bin Umar al-Qadhī. Karya ini mendapat sambutan meluas bukan sahaja di bahagian utara Malaysia bahkan juga di seluruh Malaysia, Mesir dan Thailand.<sup>73</sup> Apa yang menarik mengenai karya ini ialah gaya penyampaiannya yang ringkas bahkan mudah difahami oleh masyarakat dan juga sarat dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Gaya bahasanya yang mudah dapat menepati kehendak semua peringkat masyarakat dan sesuai digunakan oleh masyarakat madani moden seperti di Malaysia.

Pendekatan intertekstual mempunyai kaedah yang tersendiri. Kaedah ini menggabungkan proses pengolahan, pembinaan dan pencernaan daripada dua aspek iaitu aspek dalaman dan luaran yang membina sesebuah karya. Aspek dalaman terlihat ketika pengarang menetapkan gaya pentafsiran mengikut aspirasinya sendiri, manakala aspek luaran pula ialah apabila wujud karya-karya luar yang memberi kesan kepada teks yang ditulis. Pengaruh dalaman dapat dilihat dalam bentuk yang dapat dirumuskan seperti berikut.

Pertamanya, aspek bahasa dan struktur susunan teks. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu dialek Kedah yang bercampur dengan bahasa Arab. Walaupun istilah yang digunakan terkadang berbeza dengan bahasa Melayu moden, namun ia adalah istilah yang digunakan di zaman Said al-Qadhī.<sup>74</sup>

Keduanya, Said al-Qadhī membentuk gaya penulisannya yang tersendiri ketika berkarya. Beliau memulakan setiap jilid *Tafsir Nūr al-Ihsān* dengan *Bismillāh*, ucapan puji-pujian ke hadirat Allah SWT dan berselawat ke atas Baginda SAW, di samping memperkenalkan status sesuatu surah sama ada *Makkī*

<sup>73</sup> Hal ini berdasarkan fakta bahawa terdapat cetakan-cetakan *Tafsir Nūr al-Ihsān* di negara-negara tersebut.

<sup>74</sup> Razak, "Mengenal Tuan Haji Said," 2.

atau *Madanī* sebelum memulakan tafsiran. Beliau juga menyelitkan sebab nuzul ayat, fadilat-fadilat, permasalahan fiqah, perbincangan ayat *al-mutashābihāt*, *al-nāsikh* dan *al-mansūkh* serta kisah-kisah umat terdahulu di tempat yang sesuai dan beliau konsisten dengan cara ini hingga ke akhir surah.

Ketiganya, walaupun Said al-Qadhī merujuk kepada karya besar seperti *Tafsīr al-Jamal* dan *Tafsīr al-Qurṭubī* yang menjelaskan tafsirannya dengan panjang lebar, namun beliau kekal dengan metodologinya yang telah melakukan transformasi terhadap isi-isi penting sahaja ke dalam karyanya itu.

Selain itu, pendekatan kaedah bacaan intertekstualiti menyatakan bahawa sesebuah teks tercipta berdasarkan teks-teks yang lain. Justeru itu, melalui analisis yang telah dibuat mendedahkan pengaruh luaran yang dapat dilihat dalam yang dapat dirumuskan seperti bentuk berikut.

Pertamanya, pengaruh teks. Said al-Qadhī telah merujuk enam buah karya muktabar iaitu *Tafsīr al-Jamal*, *Tafsīr al-Qurṭubī*, *Tafsīr al-Rāzī*, *Tafsīr al-Bayḍāwī*, *Tafsīr al-Jalālayn* dan *Tafsīr al-Khāzin* dalam membahaskan 13 fadilat ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Walaupun begitu, karya yang paling dominan ialah *Tafsīr al-Jamal*. Melalui kajian ini sumber ambilan bagi ke semua fadilat tersebut telah dikenal pasti. Sekalipun pengarang tidak menyatakan sumber rujukan di dalam teksnya namun ia tidak membuktikan bahawa ia adalah semata-mata berdasarkan idea pengarang, sebaliknya ia merupakan sebuah karya yang sejajar dengan karya-karya muktabar. Oleh yang demikian, makalah ini membuktikan bahawa Said al-Qadhī tidak menggunakan fakta-fakta yang tidak berasas atau menggunakan pendapat sendiri sahaja dalam menghasilkan karya berjudul *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* ini.

Keduanya, sosio budaya. Pekerjaan utama masyarakat Kedah khususnya di Jitra adalah melakukan aktiviti bersawah. Hal yang demikian itu telah memberi kesan kepada penulisan teks *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* di mana pengarang kerap menggunakan konsep dan contoh yang berkaitan dengan pekerjaan tersebut seperti mengetam padi dan bendang ketika mentafsir ayat al-Qur'an.

Ketiganya, pengaruh pendidikan. Penggunaan perkataan Arab pada setiap teks karya menunjukkan bahawa pengarang terkesan dengan pendidikan yang dilalui di mana beliau pernah menuntut

ilmu di Mekah dalam tempoh yang agak lama.<sup>75</sup> Selain itu, struktur ayat pasif yang digunakan dalam penulisannya telah terkesan dengan pendidikan beliau di institusi pondok yang rata-rata menggunakan kitab jawi lama yang berstruktur ayat pasif tersebut di samping institusi pondok yang tumbuh dengan pesat di waktu itu.<sup>76</sup>

Secara umumnya dapatlah dibuat rumusan bahawa karya yang menjadi teks induk atau dalam kata lain menjadi rujukan utama pengarang berkenaan fadilat surah, ayat dan alam dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān* ialah *Tafsir al-Jamal* berdasarkan peratus kekerapan Said al-Qadhī merujuknya melebihi karya lain. Manakala *Tafsir al-Qurtubī*, *Tafsir al-Rāzī*, *Tafsir al-Bayḍāwī*, *Tafsir al-Jalālayn* dan *Tafsir al-Khāzin* boleh dirumuskan sebagai sumber sampingannya. Selain itu, bentuk kaedah intertekstual yang mendominasi ketika proses transformasi teks ke dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān* pula ialah paralel dan haplologi.

## **Bibliografi**

Al-Qur'an.

Abdul Rauf Hassan *et al.*, *Kamus Bahasa Melayu – Bahasa Arab Bahasa Arab – Bahasa Melayu* (Shah Alam: Oxford Fajar, 2011).

Abdul Razak Abdul Rahman, “Mengenali Tuan Haji Said: Mufti Ulama Tersohor di Alam Melayu” (Makalah Seminar Ulama Melayu, Shah Alam, 23 Mei 2010).

Abdul Razak Othman, dalam temu bual dengan penulis, 07 Julai 2012.

Āl al-Shaykh, ‘Abd al-Laṭīf bin ‘Abd al-Raḥmān, *al-Barāhīn al-Islāmiyyah fī Radd al-Shubḥah al-Fārisiyyah* (t.tp.: Maktabah al-Hidāyah, 1989).

Al-Bayḍāwī, Nāṣir al-Dīn ‘Abd Allāh bin ‘Umar, *Tafsir al-Bayḍāwī* (Beirut: Dār al-Fikr, 1996).

Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥusayn, *al-Tafsir wa al-Mufasssirūn* (t.tp.: Avand Danesh, 2005).

Al-Jamal, Sulaymān bin ‘Umar al-‘Ujjaylī, *Tafsir al-Jamal* (Kaherah: ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalābī, t.t.).

---

<sup>75</sup> Razak, dalam temu bual dengan penulis, 07 Julai 2012.

<sup>76</sup> Razak, “Mengenali Tuan Haji Said,” 2.

- Al-Khāzin, ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad, *Tafsīr al-Khāzin* (Beirut: Dār al-Fikr, 1979).
- Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad, *al-Jāmi‘ al-Aḥkām al-Qur‘ān* (Riyadh: Dār ‘Ālim al-Kutub, 2003).
- Al-Qurṭubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad, *Tafsīr al-Qurṭubī* (Kaheerah: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1964).
- Asmad, *Kedah* (Melaka: Associated Educational, 1987).
- Dostoyevsky, Fyodor, *The Idiot*, terj. David Magarshack (London: Penguin Books, 1975).
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Umar, *Tafsīr Maḥfūṭ al-Ghayb* (Beirut: Dār al-Fikr, 1981).
- Harari, Josue V., *Textual Strategies* (New York: Cornell University Press, 1979).
- Hawthorn, Jeremy, *A Concise Glossary of Contemporary Literary Theory* (London: Arnold, 2000).
- Jalāl al-Dīn al-Maḥallī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad, dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, Abū al-Faḍl ‘Abd al-Raḥmān, *Tafsīr al-Jalālayn* (Damsyik: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyyah, 1919).
- Kristeva, Julia, *Desire in Language: a Semiotic Approach to Literature and Art* (Oxford: Basil Blackwell, 1980).
- Mana Sikana, *Teori dan Pendekatan Kususasteraan I* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999).
- Mohd Nazimi Zaim, “Kajian Takhrij Hadith dalam *Tafsīr Nūr al-Iḥsān*,” (Disertasi Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2010).
- Muhammad Ismi Mat Taib, “Israiliyyat dalam Tafsir: Kajian terhadap Kitab *Nūr al-Iḥsān* Karya Haji Muhammad Sa‘id bin ‘Umar,” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2003).
- Muhammad Said Umar, *Tafsīr Nūr al-Iḥsān* (Patani: Maṭba‘ah Bin Ḥalabī, 1970).
- Partini Sardjono, *Kakawin Gajah Mada* (Bandung: Penerbit Binacipta, 1986), 63.
- Schmitz, Thomas A., *Modern Literary Theory and Ancient Texts: an Introduction* (Victoria: Blackwell Publishing, 2007).
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, “Tafsir *Tarjumān al-Mustafīd*: Kajian Intertekstual,” (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008).

